

UUM /AAB7/SH/ 8.7.2026/ P:15 (4)

Mengapa manifesto PH lebih meyakinkan

Manifesto Pakatan Harapan (PH) bagi Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor wajar dipuji kerana ia kelihatan seperti satu dokumen tawaran dasar yang tersusun dan bukan sekadar senarai janji pilihan raya.

Dengan tema 'Johor Untuk Semua', PH menawarkan hala tuju baharu untuk Johor dengan membina negeri yang mempunyai kekuatan ekonomi sendiri, menyediakan pekerjaan bergaji tinggi, memperluas perumahan mampu milik, memperkukuh kebajikan rakyat dan menjadikan pembangunan lebih seimbang antara daerah.

Dari segi kandungan, manifesto PH mempunyai 10 tawaran utama dan lima Inisiatif Pencetus Perubahan Johor. Antara tawaran utamanya ialah Skim Kesihatan Johor sehingga RM100,000 setahun, bantuan rumah pertama RM8,000, Dana Anak Muda Johor



PERSPEKTIF

MASHITAH
MOHD UDIN

selamatan, kebersihan dan kelestarian alam sekitar. Antara tawaran BN ialah Bantuan Kasih Johor, peluang pekerjaan, dana rumah, bantuan sewa, pembiayaan mikro tanpa faedah, Dana Pendidikan Orang Muda Johor dan pelbagai inisiatif kemudahan awam.

Manifesto BN mempunyai kekuatan dari segi kesinambungan program sedia ada. Namun begitu, manifesto PH lebih menonjol dari sudut pembaharuan dasar dan sasaran transformasi ekonomi. Jika BN menawarkan kesinambungan pentadbiran, PH menawarkan

pembaharuan yang lebih terarah kepada isu struktur Johor seperti pekerjaan bergaji tinggi, kos rumah, kesesakan sempadan, pembangunan daerah dan kebergantungan ekonomi kepada Singapura.

Dalam isu pekerjaan misalnya, BN menawarkan 200,000 peluang pekerjaan termasuk 100,000 pekerjaan berpendapatan premium. PH pula menawarkan 250,000 pekerjaan bergaji tinggi dan

teraseng, sebaliknya berkait dengan projek dan struktur ekonomi yang memang sedang berkembang di Johor.

Tawaran

Sekiranya PH menang di Johor, usaha melaksanakan janji-janji ini juga akan menjadi lebih mudah kerana banyak tawaran memerlukan penyelarasan rapat antara kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan. Isu seperti kesesakan sempadan, imigresen, RTS, pengangkutan awam, pelaburan strategik, TVET, digitalisasi sekolah, kesihatan dan pembangunan industri bernilai tinggi tidak boleh diselesaikan oleh kerajaan negeri secara berseparan.

Dengan mandat kerajaan negeri, PH boleh menyelaraskan dasar tanah, perumahan, pihak berkuasa tempatan, pelesenan, pembangunan daerah, infrastruktur tempatan dan program kebajikan negeri. Pada masa yang sama, kedudukan PH yang bergerak seiring dengan kerajaan Persekutuan boleh mempercepatkan rundingan, kelulusan, pembiayaan bersama dan pelaksanaan projek rentas agensi.

Sebagai contoh, sasaran

Dana PKS dan Usahawan Johor RM1 bilion juga boleh dilaksanakan melalui gabungan dana negeri, institusi kewangan, geran padanan, pinjaman mudah, pendigitalan perniagaan dan program eksport. Tawaran ini penting kerana PKS merupakan nadi ekonomi tempatan. Jika 20,000 perniagaan dapat didigitalkan dan 10,000 usahawan baharu diwujudkan, kesannya bukan sahaja kepada pendapatan peniaga, tetapi juga kepada pekerjaan, rantaian bekalan dan hasil ekonomi negeri.

Lima Inisiatif Pencetus Perubahan Johor pula menunjukkan PH tidak hanya bercakap tentang projek besar, tetapi juga isu harian rakyat. Cadangan 250 Taska Madani dan taska tempat kerja boleh membantu wanita kembali ke pasaran kerja. Pas pengangkutan awam RM50 sebulan untuk pelajar, warga emas dan OKU boleh mengurangkan kos mobiliti. Program Balik Johor boleh menarik pulang bakat tempatan. Tribunal Hak Tanah Johor boleh mempercepat penyelesaian isu tanah. Bonus RM1,000 kepada bayi yang lahir di Johor pula memberi isyarat bahawa dasar keluarga dan pembangunan generasi baharu turut diberi perhatian.

RM500 juta, pembinaan 80,000 rumah mampu milik dalam tempoh lima tahun, internet berkelajuan tinggi dan makmal kecerdasan buatan (AI) untuk sekolah, Dana Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta Usahawan Johor RM1 bilion, pemerikasaan agromakanan, industri bernilai tinggi, pengurangan masa menunggu rentas sempadan sebanyak 50 peratus serta sasaran 250,000 pekerjaan bergaji tinggi dan bermaruah.

Kekuatan utama manifesto PH ialah sifatnya yang berangka dan boleh dinilai. Pengundi tidak hanya diberikan slogan umum seperti 'kemajuan', 'kebajikan' atau 'kestabilan', tetapi sasaran yang jelas seperti 500,000 penerima perlindungan kesihatan, 80,000 rumah mampu milik, 50,000 keluarga muda menerima bantuan rumah pertama, RM500 juta untuk anak muda, RM1 bilion untuk PKS dan 250,000 pekerjaan bergaji tinggi.

Dari sudut ini, manifesto PH kelihatan lebih serius kerana ia meletakkan ukuran kejayaan secara terbuka. Apabila angka dan sasaran dinyatakan, kerajaan yang menang nanti boleh dipantau. Ini juga menunjukkan PH bersedia dinilai berdasarkan hasil, bukan sekadar niat.

Berbanding Barisan Nasional (BN), perbezaan utamanya terletak pada pendekatan. BN menampilkan manifesto berteraskan kesinambungan pentadbiran melalui enam teras Maju Johor, dengan penekanan kepada tadbir urus, pembangunan ekonomi, jaringan keselamatan sosial, kemudahan asas, ke-

bermaruah melalui JS-SEZ, AI, ekonomi digital, logistik pintar, teknologi hijau dan industri bernilai tinggi.

Dalam isu perumahan pula, BN memberi tumpuan kepada dana rumah dan kesinambungan bantuan perumahan. PH pula meletakkan sasaran 80,000 rumah mampu milik dalam lima tahun serta bantuan RM8,000 untuk pembelian rumah pertama. Sasaran ini besar, tetapi tidak wajar terus dianggap tidak realistik. Jika dilaksanakan secara berfasa, digabungkan dengan tanah kerajaan negeri, kerjasama pemaju, skim sewa milik, kelulusan PBT yang lebih cekap dan sokongan pembiayaan, sasaran ini boleh menjadi agenda perumahan yang praktikal.

Dari sudut dasar ekonomi, tawaran PH juga lebih jelas mengaitkan pembangunan Johor dengan kedudukan strategik negeri itu. PH mahu Johor menjadi kuasa ekonomi sendiri, bukan sekadar *feeder* kepada Singapura. PH mengaitkan potensi Johor dengan JS-SEZ, RTS Link, Forest City, pelabuhan baharu dan pelaburan bernilai tinggi. Pendekatan ini penting kerana isu Johor bukan sekadar kekurangan pekerjaan, tetapi kekurangan pekerjaan bergaji setimpal yang mampu mengekalkan bakat tempatan di negeri sendiri.

Di sinilah kerealistikan manifesto PH lebih jelas. Banyak tawaran PH tidak berdiri secara

Dari sudut ini, manifesto PH kelihatan lebih serius kerana ia meletakkan ukuran kejayaan secara terbuka. Apabila angka dan sasaran dinyatakan, kerajaan yang menang nanti boleh dipantau. Ini juga menunjukkan PH bersedia dinilai berdasarkan hasil, bukan sekadar niat."

mengurangkan masa menunggu rentas sempadan sebanyak 50 peratus sangat relevan kepada rakyat Johor, khususnya pekerja yang ulang-alik ke Singapura. Pelaksanaannya memerlukan penyelarasan antara kerajaan negeri, agensi Persekutuan, imigresen, pengangkutan awam, *Rapid Transit System* (RTS), sistem bas pengantara dan teknologi semakan sempadan.

Begitu juga dengan Skim Kesihatan Johor sehingga RM100,000 setahun. Tawaran ini boleh dilaksanakan secara berfasa melalui pendekatan ber-sasar. Ia boleh bermula dengan kelompok B40, M40 tertentu, OKU dan golong-

an rentan sebelum diperluas mengikut kapasiti kewangan negeri.

Dana Anak Muda Johor RM500 juta pula mempunyai asas pelaksanaan yang munasabah jika tidak dilihat semata-mata sebagai pemberian tunai. Manifesto PH mengaitkannya dengan TVET Premium Johor, latihan AI, robotik dan digital, Dana Usahawan Muda Johor, Program Jaminan Pekerjaan Pertama, tuisyen percuma untuk calon SPM dan STPM daripada keluarga B40 serta program penguasaan Bahasa Inggeris dan kemahiran digital. Ini menjadikan dana tersebut lebih bersifat pelaburan modal insan, bukan perbelanjaan jangka pendek.

Sasaran

Manifesto ini juga boleh menarik pengundi atas pagar kerana ia tidak hanya bergantung kepada sentimen politik, tetapi menawarkan dasar yang boleh dibandingkan. Pengundi yang menilai berdasarkan kandungan akan melihat bahawa PH menawarkan sasaran yang jelas, bidang keutamaan yang relevan dan hubungan logik antara ekonomi, pekerjaan, perumahan, pendidikan dan kebajikan.

Secara keseluruhannya, manifesto PH kuat dari segi kejelasan sasaran, keberanian dasar dan kesesuaian dengan cabaran sebenar Johor. BN mempunyai kekuatan sebagai penyandang kerajaan negeri dan membawa naratif kesinambungan. Namun begitu, PH menawarkan naratif yang lebih segar iaitu Johor bukan sekadar perlu stabil, tetapi perlu bergerak ke tahap ekonomi yang lebih tinggi, lebih inklusif dan lebih seimbang antara daerah.

Jika PH diberi mandat mentadbir Johor, peluang untuk melaksanakan manifesto ini menjadi lebih baik kerana kerajaan negeri boleh bergerak seiring dengan kerajaan Persekutuan. Penyelarasan ini penting dalam isu kesihatan, pengangkutan, sempadan, pelaburan, pendidikan, TVET dan perumahan. Oleh itu, manifesto PH boleh menjadi pelan kerja awal untuk membawa Johor ke arah ekonomi yang lebih kukuh, kebajikan yang lebih menyeluruh dan masa depan yang lebih terjamin kepada rakyatnya.

**Profesor Madya Dr Mashitah Mohd Udin ialah Pengarah Institut Kajian Politik Malaysia (MAPAN) di Universiti Utara Malaysia (UUM)*